

SC

Kaji garis panduan tingkat penilaian cadangan korporat **Ms.B2**



BH BISNES

PERGERAKAN RINGGIT
18 Julai 2017

RM1,3850.00
RM4,3000.00
RM4,2950.00
RM4,2900.00
RM4,2850.00
RM4,2800.00



+0.0030

TUTUP: 4.2850
TINGGI: 4.2835
RENDAH: 4.2915

10pg 12tgh 4ptg

PERGERAKAN FBM KLCI
18 Julai 2017

RM1,754.00
RM1,762.00
RM1,760.00
RM1,758.00
RM1,756.00
RM1,754.00
RM1,752.00



-0.27

TUTUP: 1,754.92
TINGGI: 1,758.14
RENDAH: 1,752.57

10pg 12tgh 4ptg

Peminjam layak tiada masalah akses pembiayaan

➔ Bank Negara per jelas pelbagai faktor halang kelulusan pinjaman rumah mampu milik

Akses kepada pembiayaan bukan isu utama bagi pembelian rumah mampu milik, sebaliknya ia berpunca daripada banyak faktor lain termasuk kelayakan pembeli untuk memperoleh kelulusan pinjaman.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM), pembeli rumah yang layak akan terus mendapat akses kepada pembiayaan, yang mana dalam lima bulan pertama 2017, pinjaman perumahan bernilai RM40 bilion diluluskan kepada lebih 152,000 peminjam.

Katanya, tiga suku daripada peminjam adalah pembeli rumah kali pertama, manakala kadar kelulusan pinjaman rumah juga adalah stabil pada 74 peratus.

*Bank juga memperkenalkan



➔ Berdasarkan data Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC), kurang 30 peratus rumah baharu yang dilancarkan pada 2015 hingga 2016 adalah rumah berharga kurang daripada RM250,000, berbanding 70 peratus semasa tempoh 2008 hingga 2009.

➔ **Baki pinjaman rumah** yang belum dijelaskan terus mengatasi pertumbuhan keseluruhan pinjaman apabila meningkat 8.6 peratus kepada RM493 bilion setakat akhir Mei 2017, berbanding tempoh sama setahun lalu.

lebih banyak penyelesaian pembiayaan bagi menambah baik tahap kemampuan peminjam, seperti ditawarkan oleh rumah Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA),* demikian menurut BNM dalam kenyataan, semalam.

Desak semak kriteria pinjaman

Kenyataan itu merujuk kepada beberapa laporan media kebelakangan ini yang mendesak supaya BNM menyemak semula kriteria pinjaman perumahan bagi bakal pembeli rumah sedemikian.

Bank Pusat menambah, kenyataan yang dibuat oleh sesetengah pihak menyebabkan kekeliruan dan tidak berdasarkan fakta serta maklumat tepat.

• Lihat Ms.B2



EXIM BANK

Salur pembiayaan RM685j bantu PKS **Ms.B3**



CGPV

Labur RM935 juta bina Shattuck St Mary's **Ms.B4**

